

<h2>HELAIAN KETERANGAN PRODUK</h2> <p>(Sila baca Helaiian Keterangan Produk ini sebelum anda membuat keputusan memilih IKHLAS Group Personal Accident Takaful – Snatch Theft. Pastikan juga anda telah membaca terma-terma dan syarat-syarat di dalam Sijil Takaful ini.)</p>	<p>TAKAFUL IKHLAS GENERAL BERHAD (AHLI PIDM)</p> <p>(Dilisenkan di bawah Akta Perkhidmatan Kewangan Islam 2013 dan dikawal selia oleh Bank Negara Malaysia)</p> <p>IKHLAS GROUP PERSONAL ACCIDENT TAKAFUL – SNATCH THEFT</p> <p>Tarikh :</p>																				
<p>1) Produk apakah ini?</p> <p><i>IKHLAS Group Personal Accident Takaful</i> adalah satu Sijil Takaful yang memberi perlindungan dua puluh empat (24) jam kepada sekumpulan orang (contoh: pekerja, ahli-ahli dalam kumpulan) bagi Kecederaan Tubuh Badan yang disebabkan Kemalangan sewaktu bekerja, bersukan, beristirehat, domestik dan aktiviti-aktiviti lain yang dijalankan di mana sahaja di dalam had jajahan sepertimana yang dinyatakan di dalam Sijil Takaful yang dimana kecederaan hanya dan tidak bertanggung jawab pada sebarang sebab keputusan sama ada melibatkan kematian atau hilang keupayaan atau memerlukan perubatan dan/atau rawatan pembedahan.</p>																					
<p>2) Apakah konsep Syariah yang diguna pakai?</p> <ul style="list-style-type: none"> • Tabarru' - bermaksud derma bagi tujuan perpaduan dan kerjasama di kalangan peserta-peserta Takaful dan akan digunakan untuk membantu semua Peserta Takaful yang ditimpa musibah. Di dalam konteks pihak Syarikat, Tabarru' akan diperuntukkan ke dalam Dana Risiko Peserta. • Wakalah – merujuk kepada kontrak di mana satu pihak, sebagai prinsipal (<i>muwakkil</i>) membenarkan pihak lain sebagai ejen (<i>wakil</i>) untuk melaksanakan tugas tertentu dalam hal-hal yang boleh diwakilkan, dengan atau tanpa mengenakan bayaran. Di dalam konteks pihak Syarikat, kami dilantik sebagai ejen (<i>wakil</i>) untuk melaksanakan Perniagaan Takaful, dan fi Wakalah (<i>Ujrah</i>) akan dibayar kepada pihak Syarikat. <p><i>Nota: "pihak Syarikat" merujuk kepada Takaful Ikhlas General Berhad Sila rujuk kepada Sijil Takaful untuk maklumat lanjut.</i></p>																					
<p>3) Apakah perlindungan-perlindungan / manfaat-manfaat yang ditawarkan?</p> <table border="1" style="width: 100%; border-collapse: collapse;"> <thead> <tr> <th rowspan="2">Manfaat Takaful</th> <th colspan="2">Amaun Perlindungan (RM)</th> </tr> <tr> <th>Pelan 1</th> <th>Pelan 2</th> </tr> </thead> <tbody> <tr> <td>Kematian akibat Kemalangan</td> <td>50,000</td> <td>75,000</td> </tr> <tr> <td>Hilang Keupayaan Kekal akibat Kemalangan</td> <td>Sehingga to 50,000</td> <td>Sehingga to 75,000</td> </tr> <tr> <td>Perbelanjaan Pengebumian</td> <td>1,000</td> <td>1,000</td> </tr> <tr> <td>Perbelanjaan Perubatan</td> <td>1,000</td> <td>2,000</td> </tr> <tr> <td>Ragut</td> <td>500</td> <td>500</td> </tr> </tbody> </table> <p><i>Nota: Sila rujuk Skala Pampasan untuk Kematian dan Hilang Keupayaan Kekal di dalam Sijil Takaful. Tempoh perlindungan selama satu (1) tahun. Anda dikehendaki memperbaharui Sijil Takaful anda setiap tahun.</i></p>		Manfaat Takaful	Amaun Perlindungan (RM)		Pelan 1	Pelan 2	Kematian akibat Kemalangan	50,000	75,000	Hilang Keupayaan Kekal akibat Kemalangan	Sehingga to 50,000	Sehingga to 75,000	Perbelanjaan Pengebumian	1,000	1,000	Perbelanjaan Perubatan	1,000	2,000	Ragut	500	500
Manfaat Takaful	Amaun Perlindungan (RM)																				
	Pelan 1	Pelan 2																			
Kematian akibat Kemalangan	50,000	75,000																			
Hilang Keupayaan Kekal akibat Kemalangan	Sehingga to 50,000	Sehingga to 75,000																			
Perbelanjaan Pengebumian	1,000	1,000																			
Perbelanjaan Perubatan	1,000	2,000																			
Ragut	500	500																			
<p>4) Berapakah jumlah Sumbangan Takaful yang perlu dibayar?</p> <p>Jumlah Sumbangan Takaful yang anda perlu bayar akan berbeza kepada jenis pelan yang diambil seperti yang tertera di bawah:</p> <table border="1" style="width: 100%; border-collapse: collapse;"> <thead> <tr> <th>Pelan</th> <th>Pelan 1</th> <th>Pelan 2</th> </tr> </thead> <tbody> <tr> <td>Sumbangan Takaful Tahunan</td> <td>RM 50.00</td> <td>RM 80.00</td> </tr> <tr> <td>Cukai Perkhidmatan</td> <td>RM 4.00</td> <td>RM 6.40</td> </tr> <tr> <td>Jumlah Sumbangan Takaful Tahunan</td> <td>RM 54.00</td> <td>RM 86.40</td> </tr> </tbody> </table>		Pelan	Pelan 1	Pelan 2	Sumbangan Takaful Tahunan	RM 50.00	RM 80.00	Cukai Perkhidmatan	RM 4.00	RM 6.40	Jumlah Sumbangan Takaful Tahunan	RM 54.00	RM 86.40								
Pelan	Pelan 1	Pelan 2																			
Sumbangan Takaful Tahunan	RM 50.00	RM 80.00																			
Cukai Perkhidmatan	RM 4.00	RM 6.40																			
Jumlah Sumbangan Takaful Tahunan	RM 54.00	RM 86.40																			

5) Apakah yuran-yuran dan caj-caj yang perlu dibayar?

Berikut adalah yuran dan bayaran yang dikenakan:

Bayaran yang perlu dijelaskan di samping jumlah Sumbangan Takaful

- Cukai yang digunapakai tertakluk pada kadar semasa yang dikenakan.
- Duti Setem : RM10.00 (dibayar oleh pemilik Sijil Takaful Induk)

Bayaran lain yang termasuk dalam jumlah Sumbangan Takaful

- Yuran Wakalah -
 - ✓ Komisen : sehingga 25% dari Sumbangan Takaful
 - ✓ Perbelanjaan Pengurusan : sehingga 45% dari Sumbangan Takaful

Bayaran yang perlu dijelaskan jika anda membatalkan Sijil Takaful ini :-

- Yuran Pembatalan : RM10.00

6) Apakah terma-terma dan syarat-syarat utama yang perlu diketahui?

Had umur

- 18 tahun sehingga 65 tahun (usia hari jadi seterusnya)

Kewajipan Pendedahan

- Menurut perenggan 5 daripada Jadual 9 Akta Perkhidmatan Kewangan Islam 2013, jika anda memohon Takaful ini sepenuhnya untuk tujuan yang tidak berkaitan perdagangan, perniagaan atau profesion anda, anda mempunyai kewajipan untuk mengambil langkah penjagaan munasabah untuk tidak membuat salah nyataan semasa menjawab soalan-soalan dalam borang cadangan (atau apabila anda memohon untuk Takaful ini). Anda dikehendaki menjawab soalan-soalan dengan lengkap dan tepat. Kegagalan untuk mengambil penjagaan munasabah dalam menjawab soalan-soalan mungkin mengakibatkan pembatalan kontrak Takaful anda, penolakan atau pengurangan tuntutan, perubahan terma atau penamatan kontrak Takaful anda.
- Kewajipan pendedahan di atas adalah berterusan sehingga kontrak Takaful anda dibuat, diubah atau diperbaharui dengan kami.

Pampasan / Tanggungan

- Kami akan membayar pampasan di atas Kematian atau Hilang Keupayaan berdasarkan kepada “Skala Pampasan” yang disertakan di dalam Sijil Takaful. Walau bagaimanapun tuntutan untuk rawatan perubatan, pampasan anda adalah berdasarkan pengembalian jumlah perbelanjaan sebenar tertakluk kepada had yang dinyatakan di dalam Sijil Takaful. Anda tidak dibenarkan membuat tuntutan berganda bagi perbelanjaan perubatan yang sama.

Waranti Sumbangan Takaful

- Ia adalah penting dan menjadi syarat khas Sijil Takaful ini bahawa Sumbangan Takaful yang perlu dibayar dan diterima oleh pengendali Takaful dalam tempoh enam puluh (60) hari dari tarikh permulaan Sijil Takaful ini atau Endosmen / pembaharuan Sijil Takaful.
- Bilamana Sumbangan Takaful yang dibayar lanjutan dari waranti ini, diterima oleh wakil Syarikat yang diberi kuasa, bayaran tersebut akan dikira telah diterima oleh pihak Syarikat. Tanggungjawab bagi membuktikan Sumbangan Takaful perlu dibayar telah diterima oleh seseorang, termasuk ejen Takaful yang tidak diberi kuasa untuk menerima Sumbangan Takaful, terletak pada pengendali Takaful.
- Tertakluk kepada terma dan syarat yang terkandung di dalam Sijil Takaful ini.

Lebihan

- Pihak Syarikat akan mengenakan Caj Pengurusan Lebihan (SAC) sebanyak 50% daripada lebihan boleh-agih kasar dari Dana Risiko pada setiap akhir tahun kewangan. Walau bagaimanapun, pihak Syarikat boleh mengenakan caj SAC kurang daripada 50% daripada lebihan boleh-agih kasar mengikut budi bicara dan kesesuaian. Sebarang lebihan boleh-agih bersih (selepas ditolak SAC) daripada Dana Risiko akan diperuntukkan seluruhnya (100%) kepada Peserta Takaful. Setelah tamat tempoh Sijil Takaful, sekiranya jumlah yang perlu dibayar kepada Peserta Takaful kurang dari RM10, jumlah tersebut akan terus disimpan di dalam Dana Risiko atau didermakan kepada badan amal bagi pihak Peserta Takaful sebagai amalan baik. Had serta kaedah dan tempoh penyelesaian pengagihan lebihan adalah seperti yang ditakrifkan di dalam Polisi Pengagihan Lebihan. Had tersebut tidak tertakluk jika Peserta Takaful memberikan maklumat perbankan mereka kepada pihak Syarikat.

7) Apakah pengecualian-pengecualian utama yang terdapat di dalam Sijil Takaful ini?

Sijil Takaful ini tidak melindungi kematian atau hilang keupayaan kekal yang disebabkan oleh :

- Orang Yang Dilindungi melakukan atau cuba melakukan apa-apa perbuatan yang menyalahi undang-undang;
- Peperangan, serangan, perbuatan musuh asing, permusuhan (sama ada peperangan diisytiharkan atau tidak), peperangan sivil, pemberontakan, revolusi, pemberontakan atau rampasan kuasa, mogok, rusuhan, kekecohan awam, kebangkitan tentera atau kebangkitan popular di mana Orang Yang Dilindungi secara langsung atau tidak langsung mengambil bahagian atau terlibat walau apa jua dalam aktiviti-aktiviti tersebut;
- Sebarang kegiatan keganasan
- Gila, bunuh diri (sama ada siuman atau tidak siuman) atau apa-apa percubaan ke arah itu oleh Orang Yang Dilindungi;
- Kecacatan atau kelemahan fizikal atau mental sedia wujud pada Orang Yang Dilindungi;
- Jangkitan bakteria atau virus, apa-apa penyakit, rawatan perubatan atau pembedahan (kecuali sebagaimana yang perlu semata-mata akibat kecederaan yang dilindungi oleh Sijil Takaful ini dan dilaksanakan dalam masa yang tertera di dalam Sijil Takaful) kepada Orang Yang Dilindungi;
- Bersalin, keguguran, kehamilan atau apa-apa komplikasi yang berkaitannya kepada Orang Yang Dilindungi; melainkan keguguran disebabkan Kecederaan Badan akibat Kemalangan;
- Perbuatan asakan atau serangan yang dimulakan oleh Orang Yang Dilindungi yang menyebabkan dirinya terbunuh;
- Sebarang perlakuan yang melanggar Undang-undang Sivil atau Syariah dan prinsip-prinsipnya oleh Orang Yang Dilindungi;
- Hilang keupayaan kekal yang sedia ada atau kecederaan tubuh badan Orang Yang Dilindungi;
- Penyalahgunaan bahan, alkohol dan/ atau dadah oleh Orang Yang Dilindungi; melainkan dadah tersebut diambil mengikut preskripsi perubatan yang di benarkan.
- Sebab-sebab lain yang dilarang oleh Undang-undang dan prinsip-prinsip Syariah.

Nota: *Senarai ini bukan senarai yang lengkap. Sila rujuk Sijil Takaful untuk senarai penuh bagi pengecualian di bawah Sijil Takaful ini.*

8) Bolehkah saya membatalkan Sijil Takaful ini?

Anda boleh membatalkan Sijil Takaful ini dengan memberi notis bertulis kepada pihak kami. Selepas pembatalan, anda layak mendapat pulangan Sumbangan Takaful kadar pro rata bagi tempoh Sijil Takaful yang belum luput. Tiada pulangan Sumbangan Takaful dibenarkan jika ada sebarang tuntutan di bawah Sijil Takaful ini.

9) Apakah yang perlu dilakukan sekiranya terdapat perubahan kepada maklumat untuk dihubungi?

Adalah penting bagi anda untuk memaklumkan pihak kami tentang sebarang perubahan mengenai maklumat anda bagi memastikan semua surat-menyurat dapat disampaikan kepada anda tepat pada masanya.

10) Bagaimanakah saya boleh mendapatkan maklumat lanjut?

Sekiranya anda memerlukan maklumat tambahan mengenai *IKHLAS* Group Personal Accident Takaful – Snatch Theft, sila hubungi kami di:

Takaful Ikhlas General Berhad

Jabatan Pengurusan Perhubungan Pelanggan,
IKHLAS Point, Tower 11A, Avenue 5, Bangsar South,
No. 8 Jalan Kerinchi, 59200 Kuala Lumpur.

Tel : 03-2723 9696

Faks : 03-2723 9998

Laman sesawang : www.takaful-ikhlas.com.my

Emel : ikhlascare@takaful-ikhlas.com.my

11) Produk seumpama yang boleh didapati?

Sila hubungi cawangan MBSB Bank yang terdekat untuk maklumat lanjut,

Notis Perlindungan PIDM

Manfaat-manfaat yang dibayar di bawah Sijil Takaful yang layak adalah dilindungi oleh PIDM sehingga had perlindungan. Sila rujuk Brosur TIPS PIDM atau hubungi Takaful Ikhlas General Berhad atau PIDM (lawati www.pidm.gov.my).

NOTA PENTING:

ANDA DINASIHATKAN UNTUK MENGAMBIL PERHATIAN SKALA MANFAAT UNTUK KEMATIAN DAN HILANG KEUPAYAAN KEKAL DALAM SIJIL TAKAFUL ANDA. ANDA MESTI MENCALONKAN PENAMA DAN PASTIKAN PENAMA ANDA TAHU TENTANG SIJIL TAKAFUL KEMALANGAN DIRI YANG ANDA TELAH SERTAI. ANDA PERLU MEMBACA DAN MEMAHAMI SIJIL TAKAFUL DAN BERBINCANG DENGAN EJEN ATAU HUBUNGI PENGENDALI TAKAFUL UNTUK MAKLUMAT LANJUT.

Informasi yang disediakan dalam Helaian Keterangan Produk ini adalah sah pada 01/03/2024